

KAJIAN SEBATIAN MERUAP DARIPADA RUMPAI LAUT JENIS *Eucheuma*
cottonii DAN *Eucheuma spinosum* –ANALISIS GC-FID

ZULRAIDEE BIN SININ

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

DISERTASI INI DEKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
DENGAN KEPUJIAN KIMIA INDUSTRI

PROGRAM KIMIA INDUSTRI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

APRIL 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji bahan meruap daripada rumput laut jenis *E.spinosum* dan *E.cottonii* serta mengkaji kesan pengeringan terhadap komposisi bahan meruap daripada kedua-dua jenis rumput laut tersebut. Bahan meruap diekstrak daripada dua jenis rumput laut iaitu *E.spinosum* dan *E.cottonii* hasil daripada dua kaedah pengeringan yang berbeza iaitu pengeringan menggunakan matahari dan pengeringan menggunakan ketuhar untuk setiap jenis rumput laut. Bahan meruap daripada rumput laut tersebut diestrak menggunakan Supercritical Fluid Extraction (SFE) dan disimpan di dalam pelarut diklorometana sebelum di analisa menggunakan Gas Chromatography -Flame Ionization Detector (GC-FID). Keputusan kajian ini menunjukkan komposisi bahan meruap di dalam setiap jenis rumput laut tersebut berbeza dan didapati pengeringan menggunakan cahaya matahari menghasilkan lebih banyak bahan meruap daripada pengeringan menggunakan ketuhar. Daripada keputusan seluruhan dapat dirumuskan bahawa bahan meruap yang hadir di dalam rumput laut bergantung pada jenis rumput laut dan kehadiran cahaya matahari yang amat perlu untuk pembinaan bahan meruap daripada rumput laut.

